



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	30/9/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	PERHILITAN			



PERANGKAP yang dipasang Perhilitan bagi menangkap harimau kumbang yang berlegar di Anak Air Durian Daun, Pondo, Tampin.

Pasang perangkap harimau kumbang

Seremban: Jabatan Perlin-dungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Negeri Sembilan memasang perangkap bagi menangkap seekor harimau kumbang dipercayai berkeliaran di Kampung Anak Air Durian Daun, Pondo, Tampin.

Haiwan liar berkenaan tu-rut membaham tiga kam-bing milik penduduk di kampung sama pada 2 Sep-tember lalu.

Pengarah Perhilitan Negeri Sembilan Wan Mat Wan Ha-run berkata, selain perang-kap, pihaknya turut mema-

sang kamera perangkap (*trap camera*) bagi mengenal pasti jumlah sebenar haiwan itu.

"Pemasangan perangkap ini dibuat susulan aduan da-ri pada seorang penternak kambing yang mendakwa haiwannya dibaham hari-mau kumbang pada 2 Sep-tember lalu.

"Kami sudah menghantar kakitangan Perhilitan ke lo-kasi kejadian bagi melaku-kan pemantauan selepas menerima aduan, malah kamera perangkap turut di-pasang berhampiran Hutan Simpan Tebang.

"Ia diletakkan di lokasi yang dikenal pasti dalam tempoh sebulan bagi me-ngumpul maklumat, selain memastikan jumlah sebenar harimau yang berada di ka-wasan itu," katanya.

Beliau berkata, sehingga kini pihaknya hanya meneri-ma satu laporan memba-bitkan serangan harimau kumbang itu di Negeri Sem-bilan iaitu di Kampung Anak Air Durian.

"Hanya satu kes aktif di-kesan setakat ini, bagaima-napun sekiranya terdapat ke-jadian seumpamanya orang

ramai dinasihatkan melapor-kan segera kepada Perhilitan untuk tindakan lanjut," ka-tanya.

Harian Metro difaham-kan, harimau kumbang itu didakwa membaham tiga kambing milik seorang pen-ternak berusia 63 tahun di kampung berkenaan dalam kejadian pada tengah malam 2 September lalu.

Seekor lagi kambing hi-lang dipercayai dilarikan ha-ri-mau berkenaan dan pen-ternak itu mendakwa keja-dian itu adalah kali kedua terjadi.

HM, 30 Sept
2021 24